



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 32/2011 (7 hingga 13 Ogos 2011)

Pada minggu ke-32 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 7 hingga 13 Ogos, sejumlah 362 kes Demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 19 kes atau 6% berbanding dengan 343 kes dengan dua kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 10 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 12 kes (10%), Kedah 10 kes (200%), Terengganu 8 kes (133%), Melaka 2 kes (67%), Perak 2 kes (8%), Perlis 1 kes (25%), Sabah 1 kes (13%), Pahang 1 kes (7%), P.Pinang 1 kes (4%) dan WP Kuala Lumpur/Putrajaya meningkat sebanyak 1 kes (3%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 13 Ogos, sebanyak 12,735 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 58% atau 17,720 kes berbanding dengan 30,455 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 21 kematian akibat Demam Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 78% berbanding 95 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 45 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara iaitu jumlah terendah yang pernah dilaporkan sejak tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, hanya 2 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 49 kes Demam Denggi (Lampiran B). Kedua-dua lokaliti *hot spots* berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu Pangsapuri ATM dan Taman Melati Utama (Platinum Hill) masing-masing di zon Setapak.

Sempena cuti persekolahan dan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan bermula pada minggu ke-5 bulan Ogos nanti, orang ramai dijangka akan pulang ke kampung untuk tempoh masa melebihi seminggu. Oleh itu, mereka disaran agar membersihkan kawasan persekitaran rumah dan memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pemberian Aedes ditinggalkan di rumah mereka agar jangkitan Demam Denggi dapat dicegah. Jika terdapat takungan air yang besar dan kekal seperti tangki air atau kolah mandi, sila masukkan ubat pembunuhan jentik-jentik (Abate).

Peranan yang sama juga perlu dilaksanakan oleh para guru dan pelajar sekolah dengan menjaga kebersihan, samada di dalam atau di luar kawasan sekolah dengan cara tidak membuang sampah sarap merata-rata, terutamanya bekas-bekas yang boleh menakungkan air seperti bekas minuman dan makanan. Para guru juga diingatkan supaya sentiasa memastikan tiada berlaku sebarang pemberian jentik-jentik Aedes di kawasan sekolah dengan membuat pemeriksaan dan memasukkan ubat pembunuhan jentik-jentik (Abate) ke dalam tangki pam tandas yang tidak berpenutup. Tindakan ini dapat

mengelakkan sekolah menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes sepanjang cuti sekolah sempena Hari Raya Aidilfitri nanti.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

15 Ogos 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 32/2011
(7 hingga 13 Ogos 2011)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2011 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2010 |
|------|------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|---|---|
| | | Minggu 32 (7 – 13 Ogos 2011) | Minggu 31 (31 Julai – 6 Ogos 2011) | | |
| 1 | Perlis | 5 | 4 | 58 | 108 |
| 2 | Kedah | 15 | 5 | 307 | 501 (3) |
| 3 | P. Pinang | 28 | 27 | 1,200 (2) | 855 (2) |
| 4 | Perak | 27 | 25 | 822 (2) | 1,431 (5) |
| 5 | Selangor | 131 | 119 | 4,850 (5) | 12,455 (37) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 40 | 39 | 1,174 (1) | 3,089 (5) |
| 7 | N. Sembilan | 15 | 17 (1) | 492 (1) | 1,316 (7) |
| 8 | Melaka | 5 | 3 | 266 | 560 (9) |
| 9 | Johor | 21 | 28 | 1,095 (5) | 2,442 (7) |
| 10 | Pahang | 16 | 15 | 618 (1) | 950 (1) |
| 11 | Terengganu | 14 | 6 | 457 (1) | 580 |
| 12 | Kelantan | 18 | 21 | 446 (1) | 1,553 (6) |
| 13 | Sarawak | 18 | 26 | 647 | 3,105 (12) |
| 14 | Sabah | 9 | 8 (1) | 294 (2) | 1,494 (1) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 9 | 16 |
| | MALAYSIA | 362 | 343 (2) | 12,735 (21) | 30,455 (95) |

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
32 BAGI TAHUN 2011**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|-----|--------|--------------------|---------------------------------------|---------------|-----------------------------------|
| 1 | WPKL | Setapak | Pangsapuri ATM | 25 | 44 |
| 2 | WPKL | Setapak | Taman Melati Utama (Platinum Hill) | 24 | 41 |

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 32
BAGI TAHUN 2011
(7 hingga 13 Ogos 2011)**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%) | Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa |
|-----|--------|--------------------|----------------|---|---|
| 1 | WPKL | Setapak | Pangsapuri ATM | 3.4 | 3.0 |